

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' TUAN IBRAHIM TUAN MAN**  
**[KUBANG KERIAN]**

**SOALAN NO. 464**

**Y.B. DATO' TUAN IBRAHIM TUAN MAN [ KUBANG KERIAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah lesen import arak yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam bagi tempoh 2013 sehingga 2018 dan langkah pengawalan penjualan arak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah lesen import produk minuman keras yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bagi tempoh mulai tahun 2013 sehingga 2018 adalah sebanyak 1,407 lesen. Pecahan bilangan lesen yang dikeluarkan mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Lesen
2013	229
2014	234
2015	244
2016	242
2017	237
2018	221

Berhubung dengan langkah kawalan penjualan arak di Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan merupakan agensi yang bertanggungjawab terhadap aktiviti penjualan arak. Bagaimanapun, JKDM sentiasa menjalankan kawalan dan penguatkuasaan dari sudut pengimportan, pengeksportan dan pergerakan minuman keras. Antara langkah pengawalan yang sentiasa dilaksanakan oleh JKDM adalah seperti berikut:

- i. mengenakan lesen import terhadap pengimportan minuman keras bagi tujuan transit;
- ii. mengenakan hukuman yang lebih berat terhadap kesalahan melibatkan penyeludupan minuman keras dengan menaikkan hukuman penjara dan denda. Ini dilakukan bagi mewujudkan *fear-factor* kepada pihak-pihak yang terlibat dalam aktiviti penyeludupan produk minuman keras;
- iii. memperketatkan syarat pengimportan dan menetapkan dasar pengimportan minima bagi memastikan hanya pengimport yang tulen dan serius sahaja diberikan lesen untuk mengimport produk minuman keras;

## **NO SOALAN : 464**

- iv. menjalin kerjasama dan perkongsian maklumat dengan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam aktiviti risikan untuk mengesan dan membanteras sindiket penyeludupan dan penyelewengan produk minuman keras;
- v. mengadakan operasi bersama agensi penguatkuasaan lain seperti Kementerian Kesihatan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta Pihak Berkuasa Tempatan dalam membanteras aktiviti penjualan minuman keras tidak sah dan belum lulus Kastam. Operasi ini dijalankan di seluruh negara disamping operasi outlet / premis minuman keras yang dijalankan oleh JKDM sepanjang tahun; dan
- vi. mengadakan program khidmat masyarakat dan kempen kesedaran seperti “Ops Pacak” bagi tujuan menyampaikan maklumat serta mengedarkan poster ke premis dan outlet perniagaan mengenai kesalahan menjual, menyimpan, membeli dan terlibat dengan aktiviti penyeludupan dan pengedaran produk minuman keras tidak sah dan belum lulus Kastam.